

Timur: Terengganu komersial produk berasaskan serai wangi

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

hanneeyzah@bharian.com.my

Keluaran jenama T-Serai akan dipasar pada Jun

KUALA TERENGGANU: Terengganu bakal mencipta satu lagi sejarah apabila menjadi negeri pertama di negara ini mengkomersialkan produk berasaskan serai wangi sebagai produk penjagaan diri, kosmetik dan aromaterapi yang akan mula dipasarkan tidak lama lagi dengan jenama T-Serai.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi Negeri, Datuk Mohamed Awang Tera, berkata projek serai wangi akan menjadi satu lagi projek komersial kerajaan negeri untuk membantu pengusaha tanaman serai di seluruh negeri ini, sekali gus melonjakkan lagi ekonomi rakyat dan negeri.

Beliau berkata, untuk permulaan, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) menjalin kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk membangun, menghasilkan dan mengkomersialkan produk penjagaan diri berasaskan minyak serai wangi.

Mengulas lanjut katanya, YPU akan bertanggungjawab dalam memasarkan produk serai wangi yang dihasilkan, manakala LPP sebagai pembekal minyak serai wangi dan CEPP serta UTM berperanan untuk menjalankan kajian serta membangunkan formulasi produk.

Katanya, bagi fasa pertama, sebanyak empat jenis produk berasaskan serai wangi dengan jenama T-Serai sudah dihasilkan untuk dipasarkan tidak lama lagi iaitu sabun pelembap, cecair mandian, syampu rambut dan losyen pelembap yang dijual dalam satu pakej menarik pada harga berpatutan.

"Program ini sebahagian hasrat kerajaan negeri untuk membantu pengusaha tanaman serai tempatan yang kebanyakannya berdepan masalah dalam memasarkan hasil tani ini. Selain itu, ia dapat mempertingkatkan pengeluaran dan pendapatan hasil tani dengan mengkomersialkan produk dihasilkan daripada minyak serai wangi ini.

"Kita merancang untuk mula memasarkan produk ini pada Jun nanti dengan mencuba pasaran di negeri ini sebelum diperluaskan penjualannya di seluruh negara tidak lama kemudian. Kita yakin dengan kelebihan khasiat serai wangi, produk ini akan mampu menembusi pasaran antarabangsa dan diyakini keberkesanannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Galeri Seni Warisan Terengganu oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, Ahmad Razif Abd Rahman di Kampung Ladang di sini, semalam.

Pada majlis itu, YPU turut menandatangani perjanjian persefahaman dengan LPP dan UTM bagi membangunkan produk berasaskan serai wangi. YPU memperuntukkan sejumlah RM800,000 untuk kos projek berkenaan.

Mohamed berkata, dengan kajian dan usaha sama antara tiga pihak terbabit, YPU menjangka dapat menghasilkan keseluruhan sembilan jenis produk penjagaan diri berasaskan serai wangi yang mampu bersaing sengit dengan produk jenama antarabangsa yang mendominasi pasaran ketika ini.

"Kita sudah berunding dengan pengusaha hotel tempatan supaya mereka dapat menggunakan produk keluaran kita untuk rawatan spa dan menggunakan mandian, syampu, sabun dan losyen untuk tetamu hotel mereka. Kita juga akan tempatkan produk T-Serai di semua cawangan T-Brand Shop di seluruh negeri," katanya.